



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 5, September 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocalsciences.com

Penerapan Sifat Kepimpinan Guru Ke Arah Mencapai Wawasan Pendidikan Negara

Mohamad Izzuan Mohd Ishar¹, Moh Khata Jabor²

¹Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Sekolah Pendidikan

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Correspondence: Mohamad Izzuan Mohd Ishar (izzuanishar1991@yahoo.com)

Abstrak

Kemajuan negara dan perkembangan bangsa adalah berdasarkan sistem pendidikan yang diamalkan. Pendidikan yang baik dapat melahirkan generasi yang bertanggungjawab dan menghargai kehidupan. Hal ini telah mencetuskan Wawasan Pendidikan Negara yang merupakan inti pati kepada Wawasan 2020. Usaha menyemai nilai murni dan perubahan pendidikan dalam kalangan pelajar kini turut terletak di bahu guru. Sifat kepimpinan yang terdapat pada guru amat penting dalam pembentukan wawasan pendidikan terutama gaya kepimpinan yang digunakan terhadap pelajar. Berdasarkan hala tuju yang telah digariskan, guru perlu menggunakan gaya kepimpinan yang diamalkan secara menyeluruh bagi memastikan segala aktiviti atau strategi yang dirancang mengikut hala tuju tersebut. Peranan seorang guru dalam membentuk wawasan ini juga membantu memberi kefahaman kepada guru dalam segala tindak tanduk yang perlu dilakukannya bagi mencapai Wawasan Pendidikan Negara.

Kata kunci: wawasan pendidikan, peranan guru, gaya kepimpinan

Applying Teacher Leadership Qualities Towards Achieving National Education Vision

Abstract

The growth and development of the nation are based on the education system practiced. A good education will produce a generation that has a responsibility and appreciates life. This has sparked on National Educational Vision which is the essence of the Vision 2020. Now, the effort to inculcate the good values and education changes for students is lies on the teachers too. Teacher leadership is very important in the formation of educational vision, especially the style used against students. Based on the direction that has been set, the teacher should use the leadership style practiced thoroughly to ensure that all planned activities or strategies in accordance with the direction. The role of teachers in shaping this vision also helps the teacher to understand all actions that need to be done to achieve the National Educational Vision.

Keywords: educational vision, teacher's role, leadership style

Pengenalan

Wawasan Pendidikan Negara merupakan satu langkah konkrit dalam mencapai matlamat Wawasan 2020. Wawasan ini telah dicetuskan dalam kertas kerja yang bertemakan Pengisian Wawasan Pendidikan pada Persidangan Pendidikan Nasional bertarikh 8 hingga 11 April 1993 oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia pada masa itu, Datuk Dr. Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin. Dalam Wawasan 2020 telah menggariskan misi untuk membentuk sebuah masyarakat serba maju, berkebolehan, berkemampuan, mempunyai daya tahan, daya saing dan daya juang yang tinggi (Yahya, 2005). Maka, pengenalan terhadap Wawasan Pendidikan Negara merupakan satu inisiatif yang terbaik dalam usaha membentuk masyarakat dari peringkat awal dan perubahan dalam pendidikan perlu dilaksanakan untuk menghadapi cabaran ini.

Bidang pendidikan merupakan bidang yang terpenting dalam melakukan perubahan seiring dengan wawasan negara. Pendidikan yang berkualiti akan membantu melahirkan generasi yang bertanggungjawab dan sentiasa berusaha memperkembangkan potensi diri. Menurut Mok Soon Sang (2002) dalam Yahya (2005), wawasan ini berperanan untuk melahirkan insan yang dapat memberikan sumbangan dalam usaha mencapai Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan cemerlang dalam pendidikan. Wawasan Pendidikan Negara ini juga sebagai satu pemahaman dan penghayatan Falsafah Pendidikan Negara dan Misi Pendidikan untuk berdepan dengan cabaran-cabaran mendatang melalui amalan dan praktis di setiap peringkat pendidikan (Ibrahim, 1998).

Perkembangan sains dan teknologi yang pesat terus merubah keadaan dunia dan memberi kesan terhadap pemikiran corak pendidikan. Oleh itu, anjakan paradigma yang sesuai dan terbaik perlu dilakukan dalam mengharungi perubahan pendidikan yang kian rumit. Hal ini menimbulkan persoalan tentang peranan dan tanggungjawab untuk melakukan anjakan paradigma dalam diri pelajar bagi merealisasikan Wawasan Pendidikan Negara di peringkat sekolah. Permasalahan juga timbul tentang apakah gaya kepimpinan yang sesuai yang harus dipraktikkan oleh guru. Segala usaha ini perlu diketahui oleh guru dalam menjadikan sistem pendidikan yang lebih cemerlang dan melahirkan individu yang berketrampilan menuju ke Wawasan 2020 dengan menggunakan sifat kepimpinan yang ada padanya.

Metod Kajian

Kajian literatur yang berkaitan telah digunakan untuk kajian ini. Data yang berkaitan telah diperolehi daripada sumber- sumber sekunder seperti e-jurnal, artikel, dokumen, duku dan persidangan sebelum ini yang telah dinilai dan dimuat turun dari enjin carian internet. Beberapa data sekunder berkaitan juga diperolehi daripada perpustakaan universiti, Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ), Universiti Teknologi Malaysia dan enjin carian perpustakaan university. Maklumat yang relevan diperolehi setelah membaca dan menganalisis digunakan sebagai panduan untuk membentuk data pada bahagian yang berkaitan.

Kepimpinan Guru

Kepimpinan adalah satu fenomena yang kompleks (Ibrahim, 1998). Kepimpinan adalah satu proses mempengaruhi tingkah laku orang lain untuk menggalakkan mereka bekerja ke arah pencapaian sesuatu matlamat yang ditetapkan (PPK, 2001). Menurut Kamarudin (1989), kepimpinan adalah salah satu unsur yang terpenting dalam profesion keguruan. Sifat ini perlu dipupuk dan dipertingkatkan kualitinya supaya proses pendidikan memperlihatkan keberkesanan dalam mencapai suatu matlamat. Kepimpinan juga dapat membantu seseorang menentukan misi, arah tuju dan inspirasi yang akan dilakukan supaya dapat bekerja dengan cara yang betul dan menetapkan matlamat dalam satu tempoh bagi melihat perubahan yang berjaya dilakukan. Bagi guru, kepimpinan membantu dalam memberi contoh yang baik kepada pelajar supaya lebih berdisiplin dan bertanggungjawab.

Guru memerlukan kualiti kepimpinan yang tinggi seperti kematangan, keikhlasan, kejujuran, keyakinan diri dan lain-lain kerana mereka bertanggungjawab dalam mengasuh generasi muda dan

melaksanakan tugas- tugas yang diamanahkan supaya terjamin perkembangan personaliti pelajar daripada aspek fizikal, mental, sosial, estetika dan moral (Kamarudin, 1989). Dalam melaksanakan tugas untuk memimpin pelajar, guru seharusnya mengetahui manusia mempunyai pelbagai jenis dan ragam. Situasi persekitaran dan keperluan semasa memerlukan guru memilih stail kepimpinan yang tepat. Ibrahim (1998) menyenaraikan tiga jenis stail kepimpinan.

Kepimpinan autokratik (autocratic leadership)

Seorang autokrat percaya setiap keputusan dipegang oleh pemimpin dan segala perintah perlu dipatuhi oleh pengikut tanpa perlu menyoal. Kesan yang timbul ialah pekerja akan menjadi pasif, semangat kerja semakin rendah, tidak kreatif dan tidak mempunyai inisiatif.

Kepimpinan demokratik (democratic leadership)

Seorang demokratik percaya kepada penyertaan semua orang dalam membuat suatu keputusan dengan memberi kelonggaran kepada orang bawahan untuk membuat keputusan mengikut kebijaksanaan masing- masing. Pemimpin ini menekankan rasa tanggungjawab dan kerjasama yang baik kepada setiap individu. Kesan dari kepimpinan ini menyebabkan semua orang merasa yakin dan senang hati dalam menunaikan tugas. Selain itu, ia akan melancarkan tugas dan mempercepatkan perjalanan proses menuju matlamat, pemimpin akan dihormati dan dihargai serta hasil yang diperoleh akan dianggap sebagai hasil usaha bersama.

Kepimpinan lepas- bebas (laissez- faire leadership)

Seorang pemimpin yang laissez- faire memberi sepenuh kebebasan kepada orang- orang bawahan untuk bertindak dan membuat keputusan tanpa sebarang campur tangan darinya. Pemimpin ini menganggap orang bawahannya sudah matang dan dapat membezakan yang baik dan buruk serta yang betul dan salah asalkan matlamat yang telah dipersetujui tercapai. Hasilnya, keadaan kumpulan kelihatan sangat bebas dan liberal seolah- olah tidak mempunyai pemimpin yang menghasilkan orang yang kurang matang dan hilang pedoman.

Hala Tuju Wawasan Pendidikan Negara

Hala tuju yang jelas membantu seseorang untuk memahami matlamat yang ingin dicapai dalam masa tertentu. Ia juga menjadi panduan kepada guru untuk melaksanakan tanggungjawab dan peranan dalam mencorak individu dan masyarakat untuk masa hadapan. Yahya (2005) menyenaraikan beberapa kriteria bagi memastikan Wawasan Pendidikan Negara tercapai.

- 1) *Perpaduan* merupakan prasyarat bagi membolehkan organisasi atau masyarakat untuk memaksimumkan tenaga, usaha, fikiran dan pengeluaran untuk mencapai matlamat. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005), perpaduan ialah penggabungan, penyesuaian dan perihal berpadu. Proses pendidikan yang diamalkan oleh guru berfungsi sebagai pengekak dan pemupuk tradisi yang menjadi tunjang kepada perpaduan dan integrasi nasional yang dapat melatih pelajar untuk lebih bertanggungjawab, berakhlak tinggi, berprogresif dan berfikiran positif (Kamarudin, 1989). Perubahan yang dibawa guru melalui pencegahan perkara negatif dan pembaikan segala kekurangan dalam masyarakat akan membantu negara untuk merealisasikan Wawasan Pendidikan Negara.
- 2) *Stail pengurusan dan kepimpinan* yang menjurus kepada peningkatan produktiviti, kecemerlangan dan kemesraan tanpa sebarang masalah. Pengimbangan stail kepimpinan berdasarkan tindakan, idea, proses dan kemanusiaan dapat membantu dalam usaha mencapai Wawasan Pendidikan, kualiti kepimpinan dan keterampilan pengurusan. Stail kepimpinan yang tepat membantu dalam membuat keputusan yang terbaik untuk melaksanakan kerja serta tidak dibebankan dengan tanggungjawab yang tidak sepatutnya (Aziz, 2003). Keberkesanan dalam

pengurusan dan kepimpinan mampu memupuk sifat berani, bersedia menghadapi risiko sekali gus dapat melakukan kritikan membina dan melakukan refleksi diri.

- 3) *Memberikan kuasa* yang bertujuan untuk mengubah cara berfikir, bekerja, berhubung serta bertindak. Kuasa ialah daya atau kemampuan dalam melaksanakan atau mengerjakan sesuatu berserta minat (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, 2005). Aziz (2003) menyatakan kuasa yang ada kepada seorang pemimpin mampu membawa perubahan dalam sesuatu keadaan dengan perlaksanaan dan pengawalan prosedur serta peraturan. Guru seharusnya bijak dalam menggunakan kuasa bagi membolehkan mereka mendapatkan perhatian serta diberi penghormatan untuk melakukan perubahan ke arah matlamat yang dituju.
- 4) *Budaya ilmu* merupakan satu gaya hidup yang berkesinambungan dalam semua aspek kehidupan yang merangkumi agama, kemanusiaan dan sains untuk melahirkan insan yang berkualiti selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Menurut Aziz (1989), kebudayaan ilmu dapat membentuk pemimpin yang berupaya dan matang untuk memotivasikan gerakan dan pembangunan masyarakat dari segi pembangunan fizikal dan nilai murni. Kepimpinan guru melalui pembudayaan ilmu dapat membantu melahirkan generasi muda yang berwawasan serta mempunyai keseimbangan dalam mencapai matlamat kemasyarakatan.
- 5) *Budaya cemerlang* dibangunkan dari sifat amanah dan akauntabiliti. Kesabaran dan usaha dalam membudayakan kecemerlangan akan membantu menghasilkan pemikiran yang lebih positif dan tidak mudah berputus asa. Menurut Astin (1985) dalam Hussein (1993) konsep kecemerlangan yang dibawa harus merangkumi perkembangan intelektual dan kendiri para pelajar serta penyediaan kurikulum yang relevan berdasarkan keperluan mereka. Apabila pelajar mendapat pendidikan yang sewajarnya, mereka mampu untuk berfikir secara kreatif, bakat yang berkembang, mempunyai kebolehan berfikir dan memberi pendapat (Hussein, 1993).
- 6) *Sekolah penyayang* menggabungkan konsep kognitif dan perasaan yang berteraskan keadilan yang menuntut kefahaman pendidikan yang mendalam tentang kecerdasan, kecemerlangan dan bimbingan yang berterusan. Pembinaan diri dan minda memerlukan komitmen dari warga pendidikan dalam menangani masalah dalam pembentukan sekolah penyayang. Konsep ini diperkenalkan pada bulan September 1993 oleh bekas Menteri Pelajaran Malaysia, Dato' Amar Dr. Sulaiman Daud yang bertujuan mewujudkan generasi muda iaitu pelajar yang penyayang bagi menuju ke arah pendidikan yang berkualiti.
- 7) *Perkhidmatan penyayang* menegaskan tentang perkara kebajikan dan keselesaan dalam kalangan warga pendidikan. Perkhidmatan ini dapat merapatkan hubungan dan keakraban dalam melahirkan warga pendidikan yang prihatin tentang tugas dan tanggungjawab mereka. Menurut Shamsuddin (1998), di dalam Islam menghormati, menyayangi, belas kasihan Antara satu sama lain dan menjaga kebajikan merupakan tanggungjawab yang wajib. Ini merupakan salah satu khidmat yang terbaik dalam membentuk masyarakat yang penyayang dalam usaha menjayakan matlamat pendidikan bertaraf dunia melalui penekanan dan perhatian yang bermula dari awal sistem pendidikan.
- 8) *Sistem pengesanan* merujuk kepada sistem petunjuk, pengukur dan penilai yang bersifat kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan maklum balas bagi suatu perancangan. Sistem ini merupakan fungsi pengurusan dan komponen yang penting dalam pengurusan kurikulum bagi gambaran terkini perancangan dan matlamat organisasi. Hasil dari sistem ini membawa kepada penghayatan dan pemantapan insituti dan organisasi pada satu peringkat yang ingin dicapai.

Peranan Guru Dalam Perlaksanaan Wawasan Pendidikan Negara

Golongan pendidik mempunyai peranan yang besar dalam merealisasikan Wawasan Pendidikan Negara menuju Wawasan 2020. Menurut Yahya (2005) untuk melahirkan generasi yang berkualiti perlu bermula dari pencorakkan minda dan jiwa yang bersih yang akan memberi kesan besar terhadap

perkembangan personaliti, mental dan fizikal pelajar. Pendidikan di peringkat sekolah membantu dalam menyediakan modal insan yang berkualiti dengan sahsiah yang terpuji, berkemahiran tinggi dan mampu berfikir secara kreatif dan kritis dalam mengharungi perubahan menuju Wawasan 2020. Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi semasa membaca Perutusan Hari Pekerja pada 1 Mei 2006, telah menerangkan pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti secara berterusan akan memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran serta dapat berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat (Fatehah, 2010). Ini bermakna peranan guru dalam membentuk minda pelajar yang berkualiti bukan sahaja untuk mencapai matlamat pendidikan negara malah membantu dalam membangunkan negara untuk bersaing dengan negara lain.

Guru juga perlu menitikberatkan soal kecemerlangan pelajarannya dengan menggunakan sumber dalam pengajaran secara efisien dan optimum. Akauntabiliti sebagai seorang guru amat penting dalam membentuk pendidik yang berprestasi tinggi, professional dan intelek bagi mendidik pelajar kerana guru merupakan tenaga utama dalam proses pendidikan di sekolah yang diamanahkan untuk melaksanakan hasrat dan cita-cita negara (Yahya, 2005). Guru yang professional membentuk sifat kepimpinan dalam kerjayanya. Hal ini membantu dalam memberi contoh yang terbaik kepada pelajar. Kejayaan guru mendidik pelajar berdasarkan pengajaran, bimbingan dan latihan kokurikulum berlandaskan teori pendidikan akan mengekalkan kualiti seorang guru. Kamarudin (1989) menyatakan semakin teguh kualiti kepimpinan guru, semakin kuat kualiti pendidikan pelajar.

Guru sebagai pemimpin kepada pelajar yang bertanggungjawab dalam melakukan perubahan demi mencapai matlamat pendidikan negara melalui beberapa hala tuju berperanan bagi mempersiapkan diri untuk berhadapan dengan halangan dan cabaran setelah membuat keputusan untuk perubahan. Guru harus memberi kefahaman yang jelas kepada pelajar kerana usaha untuk menuju Wawasan Pendidikan Negara boleh dilihat dari perspektif yang berbeza oleh pelajar, positif atau negatif. Sebelum itu, guru perlu tahu sebab sesuatu perubahan itu dilakukan untuk memudahkan penyusunan strategi pelaksanaan demi kemudahan sekolah dan organisasi (Aziz, 2003). Menurut Yahya (2005), guru harus sentiasa positif terhadap diri dan perubahan yang dialami. Setiap perubahan yang berlaku merupakan satu cabaran dalam membentuk individu yang lebih baik dan akan memudahkan motivasi diri dalam membantu mencapai matlamat sekolah dan pelajar menuju Wawasan Pendidikan Negara.

Guru juga berperanan dalam membangunkan budaya penyayang untuk mencapai hala tuju wawasan membentuk sekolah penyayang dan perkhidmatan penyayang. Guru adalah antara individu yang rapat dengan diri pelajar selain rakan sekelas mereka. Dalam hala tuju yang disenaraikan sekolah penyayang dan perkhidmatan penyayang adalah dua perkara penting dalam pembentukan masyarakat yang prihatin yang mula dibentuk dari generasi muda. Oleh itu, pembentuk persekitaran yang sesuai dengan perancangan melalui rangsangan proses pengajaran dan pembelajaran yang terancang akan membantu mewujudkan suasana penyayang sekali gus membantu dalam melaksanakan hala tuju ini (Yahya, 2005). Pembentukan sekolah penyayang mampu menjadi pendekatan yang berkesan bagi membendung masalah pelajar dan menangani masalah sosial. Pembinaan mekanisma efektif dalam membendung permasalahan berlaku diterapkan dalam konsep sekolah penyayang dengan menyediakan perkhidmatan penyayang yang diusahakan oleh guru-guru dan pentadbiran sekolah yang dimulakan dari perubahan persekitaran dan suasana sekolah (JPN Kedah, 1995).

Kesimpulan

Wawasan Pendidikan Negara merupakan teras kepada matlamat Wawasan 2020 yang merangkumi perubahan dari segi pendidikan generasi muda melibatkan sahsiah dan taraf akademik pelajar. Pendidikan yang ditujukan melibatkan kualiti yang boleh mempengaruhi pelajar untuk membina jati diri dan menyokong pembangunan pendidikan negara ini. Peranan guru amat besar dalam mendidik pelajar seawal muda bagi memberi pemahaman yang menyeluruh. Kepimpinan guru amat penting dalam mewujudkan suasana yang menjurus kepada perubahan pendidikan. Usaha guru membentuk gaya kepimpinan yang terbaik untuk membentuk pelajar cemerlang harus dikenalpasti seawal peringkat perancangan bagi membentuk strategi menuju wawasan pendidikan. Dari gaya kepimpinan

guru, perancangan hala tuju yang terlibat perlu dilakukan berdasarkan keperluan sekolah dan pelajar dengan kerjasama pentadbiran sekolah. Wawasan pendidikan ini membantu guru untuk lebih mengenali peranan mereka yang luas bukan sahaja untuk mendidik pelajar malah menjadi pendorong dan pembantu kepada pelajar dalam situasi tertentu. Kepimpinan guru yang terbaik akan membantu perubahan pendidikan yang positif ke arah pemacuan Wawasan Pendidikan Negara di bawah perancangan menuju Wawasan 2020.

Rujukan

- Ab. Aziz Yusof (2003). *Perubahan dan Kepimpinan*. Penerbit Universiti Utara Malaysia. Sintok: Kedah.
- Aziz Deraman (1989). *Ke Arah Menggalak dan Memperkembangkan Keilmuan dan Pemikiran Kebudayaan*. Kepimpinan dan Pengajian Budaya. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia. Bahagian Kebudayaan. Kuala Lumpur.
- Fatehah Zulkifli (2010). *Peranan Guru Dalam Pembentukan Modal Insan*. Falsafah Pendidikan Di Malaysia. IPG Kampus Bahasa Melayu.
- Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Ibrahim Mamat (1998). *Pengetua Sekolah Menangani Isu dan Cabaran Kepimpinan*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (1995). *Draf Kertas Konsep Sekolah Penyayang*. Carian: <http://jpnkedah.moe.gov.my/files>
- Kamarudin Hj. Kachar (1989). *Siri Pengurusan Pendidikan: Kepimpinan Profesional Dalam Pendidikan*. Teks Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Bahasa Dan Pusta Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2001). *Kepimpinan dan Pengurusan Kurikulum di Sekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Wan Shamsuddin Wan Mamat (1998). *Pengisian Wawasan Pendidikan Negara Menuju Abad 21*. Universiti Putra Malaysia, Terengganu. Carian: <http://citacita.tripod.com/nota/wawasdidik.htm>
- Yahya Don (2005). *Kepimpinan Pendidikan di Malaysia*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Bentong: Pahang.